

**PENGAKTIFAN LALUAN KONTRA SECARA BERPERINGKAT
DI LALUAN ANTARA PERSIMPANGAN BERTINGKAT BUKIT
GAMBIR-TANGKAK UNTUK KERJA PELANCARAN RASUK
JAMBATAN DI LEBUHRAYA UTARA-SELATAN**

Petaling Jaya, 31 Julai 2026:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) ingin memaklumkan bahawa laluan kontra akan diaktifkan di laluan antara Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir - Tangkak di Lebuhraya Utara-Selatan bagi kerja-kerja pelancaran rasuk jambatan oleh kontraktor Jabatan Kerja Raya.

Sehubungan itu, laluan kontra akan diaktifkan secara berperingkat seperti berikut:

Fasa	Pertama	Kedua
Lokasi	KM165.9 hingga KM167.9 (Arah Utara)	KM167.9 hingga KM165.9 (Arah Selatan)
Tarikh	3 Ogos hingga 6 Ogos 2026	10 Ogos hingga 13 Ogos 2026
Masa	10.00 malam hingga 5.30 pagi	10.00 malam hingga 5.30 pagi

(Sila rujuk Infografik seperti di lampiran)

Pengguna lebuhraya disarankan supaya merancang perjalanan mereka sepanjang tempoh tersebut. Mereka juga dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda trafik serta arahan yang dikeluarkan oleh petugas PLUS ketika melalui kawasan terbabit.

Pengguna lebuhraya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi Aplikasi PLUS, Pembantu Maya - PUTRI, aplikasi X@plustrafik atau Paparan Mesej Elektronik (VMS) di lokasi lokasi terpilih. Orang ramai juga boleh menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	---